

DATE: 15/12/2008

# 'F1 1Malaysia mercu tanda kita'

## Najib yakin projek lonjak nama negara

15/12/08

Oleh Mohd Anwar Patho  
Rohman dan Meor Hisham  
Zulkifli  
[bmnews@bharian.com.my](mailto:bmnews@bharian.com.my)

**K**UALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak menegaskan penubuhan pasukan Formula 1 (F1) 1Malaysia (1MF1) bukan sekadar menjadikannya satu projek kebanggaan negara, sebaliknya menjadi mercu tanda bersejarah kepada Malaysia kerana mampu memiliki pasukan F1 sendiri.

Perdana Menteri berkata, projek itu turut melonjakkan nama Malaysia dalam pertumbuhan industri berteknologi tinggi kerana ia turut memabatkan kerjasama swasta dan universiti dalam penyelidikan serta pembangunan (R&D) secara bersama.

"Projek ini adalah contoh terbaik penyatuan swasta dan kerajaan menerusi gagasan 1Malaysia. Sektor swasta seperti Tune Group dan Kumpulan Naza bekerjasama dengan kerajaan melalui Proton Holdings Berhad (Proton) yang memiliki lesen jenama Lotus.

"Kerjasama turut dibuat

dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Teknologi Petronas (UTP), manakala memorandum persefahaman (MoU) yang ditandatangani dengan Composite Technology Research Malaysia Sdn Bhd (CTRM) pula adalah membina badan kereta yang bercirikan Malaysia.

"Sesungguhnya, projek ini perlu disertai 100 peratus oleh rakyat Malaysia sama ada secara individu atau perbadanan.

"Saya berbangga apabila turut membantu diharagai untuk membantu memacu pasukan ini dengan asas pemilihan diambil adalah di kalangan rakyat Malaysia," katanya dalam kenyataan mengumumkan barisan pemandu pasukan Lotus F1 Ra-

cing yang dibacakan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ahmad Shabery Cheek pada sidang media di Parlimen, semalam.

Pada sidang media itu, Ahmad Shabery yang mewakili Najib mengumumkan pemandu dari Itali, Jarno Trulli dan Heikki Kovalainen dari Finland sebagai pelumba pasukan Lotus F1 Racing bagi Grand Prix Formula Satu (F1) musim 2010.

Pemandu tempatan, Fairuz Fauzy pula menjadi pemandu ketiga bagi pasukan itu.

Najib berkata, beliau kagum dengan barisan pemandu dipilih Lotus F1 Racing kerana ia menggabungkan pengalaman, pemanduan dan stamina.

"Saya bangga apabila mendapati pasukan ini berjaya membina kenderaan dan sudah teruji kemampuannya untuk beraksi pada musim depan," katanya.

Perdana Menteri turut membanggakan program pembangunan pelumba berjalan lancar kerana ia dapat membantu mempromosi sukan permotoran, terutama F1 sebagai kegiatan sukan mampu disertai rakyat Malaysia.

**“**Projek ini contoh  
terbaik penyatuan  
swasta dan  
kerajaan menerusi  
gagasan 1Malaysia”

**Najib Razak**  
Perdana Menteri